KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)
Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh

Rujukan:
KKT&P: 100-4/5/1(64)

03 Oktober 2022

Pengurus Besar,
Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB)

Presiden Majlis Perbandaran Tawau dan Sandakan

Pegawai Eksekutif, Lembaga Bandaran Kudat,

Semua,
Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), SABAH

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.2/2022 - TARIKH TERAKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN BAYARAN GERAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2022 (PERBEKALAN DAN PEMBANGUNAN) YANG DIPROSES OLEH JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

1. **TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) tarikh akhir penerimaan tuntutan bayaran Geran Kerajaan Negeri oleh Kementerian ini untuk menyedia baucar bayaran yang akan diproses oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

2. **KAEDAH PELAKSANAAN**

2.1 Untuk mempastikan masa yang mencukupi untuk pemprosesan tuntutan bayaran di Peringkat Kementerian ini dan Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil.5/2022 bertarikh 23 Januari 2022 dipatuhi, tarikh akhir adalah yang ditetapkan seperti di bawah untuk Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar serta semua PBT mengemukakan tuntutan bayaran Geran Kerajaan Negeri:

Perbelanjaan yang melibatkan perbelanjaan bulan November	**- 28hb. November 2022**
Perbelanjaan yang melibatkan Perbelanjaan bulan Disember	**- 07hb. Disember 2022**

2/...

2.2 Tuntutan bayaran yang diserahkan **selepas** tarikh **tutup** tidak akan **diterima untuk diproses**. LPPB dan PBT adalah bertanggungjawab membuat bayaran berkenaan dari kewangan sendiri.

2.3 Adalah diharapkan bilangan tuntutan bayaran yang hendak dikemukakan pada tarikh terakhir penerimaan tuntutan bayaran dapat dikurangkan supaya tidak membebankan Kementerian ini.

2.4 LPPB dan PBT adalah dinasihatkan lebih berhati-hati sewaktu menyediakan tuntutan bayaran supaya teguran kesilapan dari Kementerian ini dapat dielakkan.

3. **PENUTUP**

3.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan Surat Pekeliling ini amatlah dihargai.

3.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang Surat Pekeliling ini, sila berhubungi dengan Bahagian Akaun atau Ketua Akauntan, Encik Nicolas P. Pisol atau Akauntan, Pn. Haszpalaila W. Hassan melalui No. Telefon: 088-255461/436327.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

[DATUK JAMILI NAIS, PhD]
Setiausaha Tetap

NPP/HH/ry